

29/09/2002

Ajak wartawan tidur di rumah

Zubir Mohd Yunus

HELLO brother (penulis), kalau you nak tahu I ni malam lumpuh ke tak, I invite you tidur kat rumah I malam ni," kata bekas pengulas berita sukan TV3, Ras Adiba Radzi (Dib) apabila penulis meminta penjelasannya mengenai sesetengah dakwaan yang mengatakan bahawa Dib hanya lumpuh pada siang hari, sebaliknya kembali normal pada waktu malam.

Dib yang baru pulang ke tanah air selepas menjalani rawatan dan pembedahan tulang belakang di Sydney, Australia, mengakui dia benar-benar sakit dan bukannya berpura-pura lumpuh.

"Dakwaan yang mengatakan ada jururawat di Pusat Rawatan Pantai (PMC) yang ternampak Dib berjalan di bilik rawatan, adalah tidak benar! Dib bukannya berlakon. Setiap hari Dib diberikan suntikan (Heprin). Ia amat menyakitkan.

"Selain itu, banyak proses yang terpaksa Dib buat sebelum membuang air kecil. Kadang-kadang tu tak sempat masuk bilik air," begitulah pengakuan Dib kepada wartawan ketika mengadakan sidang media di rumahnya di Fasa 3, Pantai Hill Park, Jalan Pantai Dalam, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Dib juga membuat pengakuan membeli kondominium mewah berharga RM700,000 di tingkat 27, Suasana Sentral Condominium, sekali gus mengakui menandatangani perjanjian jual belinya sebelum disahkan lumpuh pertengahan Julai lalu.

Dia juga tidak menafikan permohonan pinjaman bank diluluskan 2 Julai lalu iaitu sejurus sebelum disahkan lumpuh dari paras pinggang ke bawah.

"Sekarang, saya masih membayar ansuran bulanannya, tapi jumlahnya tak perlulah saya nyatakan kerana ia agak peribadi.

"Namun, saya belum pasti sama ada saya akan menetap di situ atau sebaliknya kerana maklum sajarah ia terletak di tingkat 27 di mana keadaan itu menyukarkan pergerakan saya yang berkerusi roda ini," jelas Dib selepas salinan faksimili perjanjian jual beli berkenaan ditunjukkan kepadanya semasa sidang media.

Apabila Dib diminta mengulas hasratnya yang ingin menggilap motosikal Harley Davidson sebagai perkara pertama yang akan dilakukannya selepas sembuh, dia berkata itu adalah cita-citanya ketika menjalani rawatan di Sydney tempoh hari.

"Setiap orang ada cita-cita. Jadi cita-cita Dib apabila pulih nanti ialah menggilap Harley Davidson," jelas Dib yang turut memberitahu tidak sempat menjual semua hartanya sebelum berangkat ke Australia kerana setiap urusan jual beli memakan masa, sedangkan dia perlu menjalani rawatan dengan segera.

Dib juga menolak dakwaan dia menulis surat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk meraih simpatinya dan secara tidak langsung mengundang pemimpin negara itu menjenguknya di PMC tempoh hari.

"Perkara itu tidak pernah berlaku! Waktu Dib dimasukkan ke hospital, Perdana Menteri (PM) ada urusan di Pendang, Kedah. Kebetulan pada waktu itu PM melawat rakannya di PMC dan dalam masa sama PM melawat Dib," jelasnya lagi.

Dib juga ditanya mengenai sesetengah dakwaan mengatakan doktor yang mengiringi Dib ke Australia bukan doktor pakar saraf tulang belakang, sebaliknya hanya pegawai perubatan yang bertugas di Jabatan Kecemasan, PMC?

"Doktor yang dimaksudkan itu ialah Dr Ernest Yeoh. Memang benar dia ialah seorang pegawai perubatan kanan di Jabatan Kecemasan PMC," jelas Dib

yang turut menolak dakwaan doktor berkenaan adalah buah hatinya.

Dib mengakui Dr Ernest adalah seorang lelaki yang kacak, namun dia bukan teman istimewanya.